



03 FEB, 2024

## Jualan Agro MADANI inisiatif bantu rakyat hadapi kos sara hidup: Roderick

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Jualan Agro MADANI inisiatif bantu rakyat hadapi kos sara hidup: Roderick

**SARIKEI:** Kerajaan akan terus memperkenalkan program bermanfaat bagi memastikan golongan yang memerlukan dapat mengekalkan sara hidup mereka dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang semakin tinggi.

Ahli Dewan Negara Roderick Wong Siew Lead berkata, salah satu program yang sedang giat dilakukan kerajaan pada masa kini ialah Program Jualan Agro MADANI.

“Sasaran utama program ini adalah golongan berpendapatan rendah, terutamanya golongan B40 dan kumpulan M40.

“Program Jualan Agro MADANI ini turut dijayakan bersama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Program kali ini diadakan di G-Mart Jakar dan menampilkan sebanyak 200 set kombo MADANI bernilai

RM15 yang dijual dengan harga RM10 sahaja,” ujarnya.

Beliau berkata demikian sejurus selesai mengadakan kunjungan ke program terabit di Pekan Jakar dekat sini, kelmarin.

Menurut Roderick, program itu adalah anjuran bersama Pusat Khidmat Ahli Dewan Negara dan FAMA Bahagian Sarikei.

“Sempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina akan

datang, kita telah merancang untuk menganjurkan program sama dalam tempoh terdekat di beberapa lokasi terpilih di kawasan ini.

“Objektif program ini adalah untuk membantu penduduk menikmati harga berpatutan dan membantu mengurangkan beban kehidupan mereka,” ujar Roderick lagi.

Pada program sama, Roderick turut mengedarkan

peket merah Tahun Naga kepada orang awam di Pekan Jakar, sambil memberitahu kepada orang awam juga boleh mendapatkan paket itu di Pusat Khidmat Ahli Dewan Negara Sarikei pada waktu pejabat.



**MENDAPAT SAMBUTAN:** Roderick (tiga kiri) meninjau Program Jualan Agro MADANI di Pekan Jakar kelmarin.



03 FEB, 2024

## Jualan Agro MADANI inisiatif bantu rakyat hadapi kos sara hidup: Roderick

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SARIKEI: Kerajaan akan terus memperkenalkan program bermanfaat bagi memastikan golongan yang memerlukan dapat mengekalkan sara hid up mereka dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang semakin tinggi. Ahli Dewan Negara Roderick Wong Siew Lead berkata, salah satu program yang sedang giat dilakukan kerajaan pada masa kini ialah Program Jualan Agro MADANI.

"Sasaran utama program ini adalah golongan berpendapatan rendah, terutamanya golongan B40 dan kumpulan M40.